



Headline: Pembantu perundangan rugi RM13,754 ditipu sindiket Language: Malay

Publication/Portal: Utusan Malaysia

Section: Dalam Negeri

Date: 15 July 2018

Page: 13

Pembantu perundangan rugi RM13,754 ditipu sindiket

KUANTAN 14 Julai - Bagaikan tiada penghujung. Itu yang boleh digambarkan tentang kegiatan sindiket penipuan atau scam yang masih berleluasa disebabkan ramai individu tidak mengendahkan pendedahan media dan polis mengenai kes berkenaan sehingga menjadi mangsa.

Terbaharu, seorang pembantu perundangan dari sebuah universiti awam di sini kerugian sebanyak RM13,754 selepas memasukkan wang jaminan kononnya untuk tujuan pinjaman berjumlah RM80,000 yang hakikatnya tidak wujud.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial negeri, Superintenden Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, wanita berusia 32 tahun itu pada mulanya melayari laman web

onestopsolution.com dan berurusan dengan lelaki bernama Rapheal untuk pinjaman wang sebanyak RM80,000 pada Rabu lalu.

“Keesokannya mangsa melakukan dua transaksi berjumlah RM13,754 secara dalam talian kepada pihak lelaki berkenaan kononnya sebagai wang jaminan dan suspek meyakinkan mangsa bakal memperoleh pinjaman dalam tempoh sehari iaitu semalam.

“Bagaimanapun ketika mangsa membuat semakan semalam, dia mendapati telah ditipu dan segera membuat laporan polis,” katanya di sini hari ini.

Menurut Mohd. Wazir, polis kini memburu suspek yang dikenali sebagai Mohd. Ramlan, 48, berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pihak perbankan,” katanya.